

Pelajar UMP cemerlang di Taiwan



BERITA HARIAN CVARSITI 21 JAN 2016 (ms 10)

Barisan pelajar UMP yang memenangi pingat dan anugerah dalam KIDE 2015 di Kaohsiung, Taiwan.

Kaohsiung: Pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) memenangi tiga pingat emas, tiga perak dan satu anugerah khas dalam Expo Reka Cipta dan Seni Reka Antarabangsa Kaohsiung (KIDE) di Taiwan.

Pelajar Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (FKKSA), Chan Han Jie meraih pingat emas dan dianugerahkan WIPPA Grand Award menerusi projek penyelidikan bertajuk 'Synthesis And Characterization of EFB Clinker Supported Ni And Co Catalysts For Methane Dry Reforming'.

Kajian beliau itu mengenai tindak balas metana dan karbon dioksida menggunakan pemangkin yang disokong oleh bahan dalam buah kelapa sawit.

Pingat perak

Seorang lagi pelajar FKKSA, Mahadi Bahari, turut menyumbang pingat emas menerusi kajian penggunaan gas metana, CH₄ dan gas karbon dioksida dalam menghasilkan nisbah produk gas hydrogen H₂ dan carbon monoxide

Co yang digunakan sebagai bahan mentah.

Satu lagi pingat emas dimenangi menerusi Farah Ayuni Fauzi daripada Fakulti Kejuruteraan Mekanikal yang menghasilkan alat pengukur sudut sendi untuk memaparkan data gerakan sendi pesakit pada alat peranti mudah alih Android.

Tiga pelajar lain yang meraih pingat perak ialah Sathis Vatumalai daripada Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) yang membuat kajian berkaitan tenaga solar, Mohamed Ashraf Mohamed Noor daripada Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik yang mencipta sistem untuk meneliti parameter taman serta Suguna Jegannathan dari FKKSA yang berjaya menghasilkan keratin diekstrak daripada bulu ayam bagi meluruskan rambut.

Pameran KIDE 2015 menarik penyertaan daripada 20 negara termasuk China, Kanada, Korea dan Romania dengan mempertandingkan lebih 300 projek penyelidikan.